

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG CHEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi suntikan vaksin kepada kanak-kanak yang berusia 5 hingga 12 tahun dan sekiranya Kementerian berhasrat, bilakah ini akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Pemilihan Calon Vaksin COVID-19 (JKPCV) masih dalam proses pengumpulan bukti saintifik dari segi keberkesanan dan keselamatan bagi penggunaan vaksin COVID-19 bagi kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun ke bawah termasuk hasil dapatan kajian klinikal mahupun *Real World Data*. Selain daripada itu perbincangan di antara JKPCV bersama panel pakar perubatan pediatrik akan dilaksanakan pada 9 November 2021 bagi mengenalpasti indikasi klinikal berdasarkan bukti saintifik yang tersedia.

2. Seterusnya, KKM akan mula melaksanakan program vaksinasi bagi kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah pada tahun 2022. Buat masa ini, hanya vaksin COVID-19 Pfizer BioNTech COMIRNATY® yang tersedia bagi kegunaan kanak-kanak bawah 12 tahun dan sedang menunggu kelulusan regulatori daripada EU dan AS. Pihak Pfizer juga dijangka akan mengemukakan data-data berkaitan pendaftaran penggunaan vaksin untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun pada penghujung tahun ini kepada NPRA untuk penilaian dan kelulusan pendaftaran.

3. Kerajaan Malaysia kini sedang dalam proses untuk melaksanakan perolehan baharu bagi vaksin COVID-19 Pfizer BioNTech COMIRNATY® untuk kegunaan imunisasi kanak-kanak bawah 12 tahun memandangkan formulasi yang digunakan adalah berbeza daripada formulasi yang digunakan untuk populasi dewasa (tertakluk kepada kelulusan NPRA dan PBKD). Adalah dijangkakan seramai 5.9 juta kanak-kanak akan divaksinasi melibatkan anggaran keperluan kuantiti sebanyak 11.8 juta dos.

Sekian, terima kasih.